

utusan Malaysia 10/6/08 (Selasa)

Turunkan caj perkhidmatan

KUALA LUMPUR 9 Jun – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan menurunkan caj perkhidmatan tiga peratus yang dikenakan ke atas peminjam dalam masa terdekat bagi mengurangkan bebanan mereka.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Idris Haron berkata, kementeriaannya dan PTPTN bagaimanapun belum menentukan kadar baru caj itu kerana ia masih dalam peringkat perbincangan.

“Saya yakin caj itu akan diturunkan sebagai memenuhi permintaan peminjam agar kementerian dapat meringankan beban mereka,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas isu caj perkhidmatan tiga peratus dikenakan PTPTN yang terus mendapat bantahan khususnya dalam kalangan peminjam tabung itu.

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) baru-baru ini meminta pihak PTPTN mewujudkan panel syariah kerana terdapat dakwaan yang mengaitkan caj tersebut sebagai amalan riba yang bertentangan dengan Islam.

Idris berkata, caj itu dikenakan untuk menampung kos penguru-

san dan pentadbiran tabung tersebut serta merupakan sumber pendapatan PTPTN untuk menampung pinjaman pelajar lain pada masa depan.

“Sumber kewangan itu digunakan untuk pengurusan sematamata, kita tidak boleh terlalu bergantung dengan kerajaan kerana PTPTN merupakan pentadbiran korporat.

“Oleh itu, peminjam tidak terkecuali untuk membayar caj perkhidmatan itu, tambahan pula PTPTN terpaksa mentadbir sejumlah dana yang besar,” jelas beliau.

Idris memberitahu, PTPTN tidak pernah menggunakan caj tiga peratus itu untuk kegunaan lain seperti yang pernah dipersoalkan sebelum ini.

Beliau menjelaskan, bagi pembiayaan kepada agensi pembiaya, PTPTN menggunakan sumber kewangan kerajaan.

“Kita dicaj oleh agensi pembiaya itu lebih daripada empat peratus dan kita membayarnya secara berskala,” katanya.

Beliau turut menafikan bahawa caj perkhidmatan tiga peratus itu sebagai amalan riba.

Sebaliknya, jelas Idris, caj tersebut bukan faedah pinjaman kerana PTPTN tidak mengenakan sebarang faedah kepada peminjam.